

UMS jayakan program celik industri sawit negara

UB 23.12.2019 2

KOTA KINABALU: Fakulti Sains dan Sumber Alam (FSSA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan kerjasama Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC) telah menganjurkan program Karnival dan Pelancaran Palm Oil Student Ambassador 2019 di Auditorium Perpustakaan UMS baru-baru ini.

Program yang menyasarkan penyertaan siswa-siswi UMS itu dirasmikan oleh Dekan FSSA Profesor Dr. Baba Musta.

Menurutnya, program itu bertujuan memberikan penerangan berkaitan isu-isu mutakhir mengenai industri sawit memandangkan minyak sawit adalah antara bahan komoditi eksport utama negara.

"Program ini turut memberi peluang kepada para pelajar dan warga kampus bagi mengambil tanggungjawab memberi kesedaran umum tentang kebaikan minyak sawit berbanding produk lain.

"20 orang pelajar dari kampus utama UMS telah terpilih dan dilantik menjadi Palm Oil Student Ambassador selama satu tahun, dan mereka akan mempromosikan minyak sawit serta produk yang berkaitan dengannya di dalam negara," katanya.

Dua panel jemputan iaitu

Pengurus Kelestarian - Sawit Kinabalu, Nazlan Mohamad dan Clinical Dietitian - KPJ Specialist Hospital Damai, Kota Kinabalu, Joanne Bernadette John, memberikan perkongsian informasi berkenaan usaha-usaha pembangunan industri sawit di Sabah khususnya serta pengambilan makanan yang sihat dengan menggunakan minyak sawit dalam program itu.

Karnival itu turut menyaksikan seramai 150 orang pelajar mengambil bahagian dalam acara pertandingan pidato dan poster Infografik berkaitan minyak sawit, dengan isu-isu berbangkit berkenaan naratif negatif industri sawit telah dibahaskan oleh para pelajar yang terlibat dalam program itu.

Dalam pada itu, Pengurus Komunikasi Bahagian Promosi dan Penjenamaan MPOC Suzanna Dato Mohamad Dahan turut menyampaikan penghargaan atas sambutan baik penganjuran program itu di UMS.

"Kami mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak UMS atas kerjasama dan sambutan yang memberangsangkan dalam siri jelajah pertama promosi Palm Oil Student Ambassador di negeri Sabah ini," katanya.